

:UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN EXPO WANITA AKADEMIS
II UKM UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI
PADA HARI JUMAAT, 19HB. FEBRUARI, 1982
JAM 2.30 PETANG

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Wanita Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menjemput saya untuk menghadiri majlis ini dan seterusnya memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Expo Wanita Akademis Kedua ini. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Wanita di atas usaha dan kejayaannya menganjurkan Expo ini.

2. Saya telah diberitahu bahawa Expo ini meliputi beberapa aktiviti termasuk pameran, forum, ceramah dan juga acara-acara yang berupa peraduan. Sudah tentu kesemua aktiviti ini memerlukan perancangan yang teliti dan juga usaha yang banyak daripada berbagai-bagai pihak, khususnya siswi-siswi sendiri.

3. Tujuan asas expo ini, iaitu untuk mendedahkan masyarakat kampus, khususnya, dan orang-orang awam amnya mengenai peranan wanita akademis di dalam masyarakat, adalah merupakan satu usaha yang harus disanjung oleh kita sekalian. Pameran yang diadakan akan memperlihatkan kepada kita berbagai-bagai peranan dan tokoh wanita di dalam dan luar negeri yang boleh menjelaskan kepada kita kemajuan dan pencapaian wanita dalam berbagai-bagai bidang dan lapangan.

4. Kita sekalian sedar bahawa bukan sahaja sumbangan wanita dalam urusan negara dan pembangunan telah meningkat malahan kedudukan wanita telah menjadi bertambah baik. Kita

telah dapat melihat beberapa orang tokoh wanita yang telah menjadi ketua beberapa buah negara di Asia, Eropah, dan juga Amerika Latin. Peranan dan kedudukan wanita tidak lagi asing di dalam bidang-bidang kejuruteraan, diplomasi, kedoktoran dan berbagai-bagai lagi. Dengan Iain-lain perkataan, perkembangan ini bukan sahaja membuktikan bahawa kaum wanita mempunyai peranan dan kedudukan yang penting di dalam masyarakat malahan mereka mampu untuk memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara.

4. Di negara kita juga, kita dapat melihat tokoh-tokoh wanita menduduki jawatan-jawatan penting. Kaum wanita bukan sahaja mempunyai wakil-wakil mereka sebagai guru-guru terlatih dan pendidik, doktor, jurutera, dan peguam malahan kita mempunyai ketua-ketua jabatan, tokoh-tokoh politik dan juga menteri kabinet wanita. Ini tidak lain adalah menunjukkan kemajuan kita.

5. Namun begitu, penglibatan kaum wanita di dalam urusan negara dan masyarakat bukanlah tanpa masalah dan cabaran. Sedangkan kita harus merasa bangga dengan hasrat dan kemampuan kita untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara, kaum wanita harus sedar bahawa walau dalam apa jua kedudukan, dan apa jua peranan yang dimainkan, mereka tidak harus lupa bahawa mereka adalah wanita. Mereka tidak harus lupa bahawa mereka boleh diperalatkan. Di samping itu mereka harus juga sentiasa berikhtiar untuk membuktikan kebolehan dan kemampuan dalam semua lapangan yang diharuskan tanpa dipengaruhi oleh sifat-sifat kewanitaan mereka. Dalam hal ini, kita memerlukan persefahaman kaum lelaki supaya masyarakat kita tidak terjerumus ke dalam satu keadaan kekacauan dari segi peranan sebagaimana yang terdapat di Barat di mana tuntutan kebebasan dan persamaan hak oleh kaum wanita seolah-olah telah mempersoalkan kejadian dan bentuk biologi wanita itu sendiri.

6. Soal sama ada wanita lebih berkesan daripada seorang lelaki dalam sesuatu peranan atau jawatan sebenarnya tidak harus timbul. Mungkin seseorang wanita dapat melakukan sesuatu kerja dengan lebih berkesan lagi daripada rakannya seorang lelaki dan juga sebaliknya. Yang penting ialah seseorang itu, sama ada ia seorang wanita atau lelaki faham menjalankan tanggungjawabnya, sanggup melakukannya dan sentiasa memperbaiki dirinya. Oleh itu, ketika kita sedang berusaha untuk meningkatkan lagi peranan kita di dalam urusan negara dan masyarakat kita hendaklah memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk mengasah kebolehan kepimpinan dan kepakaran kita di dalam bidang-bidang yang sesuai dengan kita. Kita tidak harus mendesak itu dan ini hanya dengan dorongan untuk mengemukakan tokoh-tokoh wanita. Yang penting ialah kita menyediakan tokoh-tokoh yang berkebolehan dan berkemampuan supaya mereka yang dikemukakan dapat menjalankan tugas-tugas yang dipikul oleh mereka dengan berkesan tanpa menimbulkan kesan bahawa ia tidak cekap kerana ia wanita.

7. Saya difahamkan bahawa Expo ini adalah bertujuan untuk menghargai wanita akademis yang telah dilahirkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya yakin, semenjak ianya ditubuhkan UKM bukan sahaja telah mengeluarkan ramai graduan wanita malahan mereka ini sedang menyediakan diri untuk memikul tanggungjawab yang lebih berat lagi di masa hadapan bagi kepentingan masyarakat dan negara. Saya harap Expo ini akan menambahkan lagi perangsang wanita akademis di dalam memperjuangkan nasib dan kedudukan mereka dan dalam meningkatkan lagi sumbangan mereka di dalam urusan negara dan masyarakat.

8. Saya difahamkan bahawa Expo ini telah mendapat sokongan dan kerjasama berbagai-bagai pihak termasuk kedutaan-kedutaan asing yang telah membantu di dalam menjayakan pameran yang dianjurkan. Penglibatan daripada semua pihak bukan sahaja dapat memeriahkan lagi suasana Expo

ini malahan membuktikan bahawa aktiviti-aktiviti seperti ini adalah sesuai dengan kehendak kita.

9. Akhir kata, saya dengan segala sukacita merasmikan Expo Wanita Akademis Kedua UKM ini.

Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
